

17 AUG 2000

Lee-Anwar

LEE BERSIMPATI DR MAHATHIR TANGGUNG BEBAN SINGKIR ANWAR

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew berkata beliau bersimpati dengan nasib Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang terpaksa menanggung beban berat setelah memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata bebanan yang ditanggung oleh Perdana Menteri itu sebahagian besarnya disebabkan oleh beberapa kesilapan pegawai-pegawai yang mengendalikan pemecatan itu.

Sambil menyifatkan peristiwa yang membawa kepada penyingkiran Anwar hampir dua tahun lepas sebagai satu "bencana", Lee berkata beliau lebih bersimpati dengan nasib Dr Mahathir daripada nasib Anwar.

"Saya pernah berkata sebelum ini, malahan sebelum kejadian itu, sebelum segala pahit maung dan pendedahan (berhubung Anwar) dibuat, dan saya katakan lagi sekarang...saya berpendapat Dr Mahathir terpaksa menanggung beban yang berat dan saya bersimpati dengan nasibnya.

"Terdapat beberapa kesilapan (dalam pengendalian pemecatan itu) tetapi saya rasa itu amat mendukacitakan," katanya pada sidang berita di akhir lawatan empat harinya ke Malaysia.

Lee berkata bahawa sebulan selepas Anwar ditahan, beliau menemui Dr Mahathir pada satu persidangan di Davos, Switzerland, dan bertanya kepada beliau: "Kenapa anda menahan Anwar mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri. Takkan dia boleh menjadi ancaman kepada keselamatan negara sedangkan sehingga empat minggu sebelum itu, dia menjadi timbalan (perdana menteri) untuk sekian lamanya?"

Katanya Dr Mahathir memberitahunya bahawa beliau terkejut dan tidak tahu Anwar akan ditahan mengikut ISA.

"Beliau memberitahu saya itu adalah hak ketua polis. Saya berpendapat bahawa itu adalah permulaan kepada beberapa kesilapan yang amat merugikannya," kata Lee.

Katanya beliau memberitahu Dr Mahathir bahawa ia sepatutnya menjadi satu tuduhan biasa mengikut Kanun Keseksaan bagi jenayah "rasuah, liwat atau sebagainya".

"(Saya memberitahunya) Anwar seharusnya dihadapkan ke mahkamah pada hari berikutnya selepas dia ditangkap, dan membantah supaya dia tidak dibenar ikat jamin dengan alasan dia mengganggu saksi.

"Ketua polis menahannya mengikut ISA, dan bencana berikutnya adalah mata lebam," kata Lee merujuk kepada Anwar yang dipukul oleh Ketua Polis Negara ketika itu Tan Sri Abdul Rahim Noor ketika dalam lokap polis berikutan penagkapannya pada 20 Sept 1998 kerana mengetuai demonstrasi menentang kerajaan.

Lee berkata beliau juga bertanya kepada Dr Mahathir kenapa suruhanjaya siasatan tidak segera ditubuhkan selepas kejadian "mata lebam" itu.

"Saya berpendapat itu mungkin tidak menjadikan beliau terlepas daripada dituduh tetapi ia akan membersihkannya daripada sebarang dakwaan kononnya beliau bersubahat.

"Dr Mahathir bertanya kepada saya apa faedah yang beliau perolehi daripada kejadian itu. Saya setuju tetapi akibat apa yang berlaku, saya khuatir beliau menerima bebannya," kata Lee.

Beliau berkata: "Saya bersimpati dengan nasibnya. Saya bersimpati juga terhadap Anwar kerana masa depannya amat cerah...dia akan ambil alih (sebagai perdana menteri) tetapi semuanya ini terjadi, dan merugikan kedua-duanya. Sungguh sedih."

Lee juga ditanya tentang hukuman penjara sembilan tahun yang dikenakan terhadap Anwar pada 8 Ogos lepas setelah Mahkamah Tinggi mendapatinya bersalah kerana meliwat yang akan bermula selepas dia menamatkan satu lagi hukuman penjara selama enam tahun kerana rasuah.

"Adakah sebarang kewajaran yang memerlukan saya jawab sesuatu tentang

ini?" katanya.

Apabila seorang pemberita berkata negara-negara seperti Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, Kanada dan Kesatuan Eropah berkata hukuman itu terlalu berat, Lee menjawab : "Tuhan lindungilah mereka".

-- BERNAMA

AU AU MAI